

R 8416 AAB  
MAHATHIR- KERETAPI  
(I)

1984

KUALA LUMPUR, JO DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENAIKI KERETAPI DAN MEMUJI KERETAPI TANAH MELAYU (KTM) KERANA MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN YANG DIANGGAPNYA SELASA DAN BERBUDI BAHASA KEPADA PARA PENUMPANG.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, MENAIKI KERETAPI EKSPRES SINARAN KE KUALA LUMPUR DI BUTYERWORTH DAN MENURUT KTM, DATUK SERI DR. MAHATHIR DIPERCAYAI PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG PERTAMA MENAIKI KERETAPI.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH TURUN DI IPOH DAN MENERUSKAN PERJALANAN MEREKA KE KUALA LUMPUR DENGAN KAPAL TERBANG. BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA YANG MENGIRINGI BELIAU DALAM PERJALANAN DENGAN KERETAPI ITU BAHAWA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PERKHIDMATAN KTM.

+KELAS DUA SEKARANG SEPERTI KELAS SATU DAHULU DAN INI MENUNJUKKAN KTM TELAH MAJU DIBANDINGKAN DENGAN 30 TAHUN DAHULU, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR SEBELUM INI TELAH MELAWAT BERBAGAI-BAGAI BAHAGI ANDI KERETAPI TERMASUK TANDAS. MALAH, BELIAU TELAH BERBUAL-BUAL DENGAN TUKANG MASAK DI GERABAK SAJIAN MAKANAN.

HANYA SATU PERKARA PERDANA MENTERI TIDAK PUAS HATI -- KERETAPI ITU BERGOYANG-GOYANG.

BELIAU MENCADANGKAN KTM MEMBAIKI LANDASAN YANG MENURUTNYA SUDAH UZUR MENYEBABKAN KERETAPI BERGOYANG.

BAGAIMANAPUN, PARA PENUMPANG 10 GERABAK PERKHIDMATAN EKSPRES SINARAN HARI INI TIDAK MENGHIRAUKAN INI SEMULA KERANPA MEREKA %ERPELUANG BERTEMUMATA DENGAN PERDANA MENTERI SAMBIL BERJABAT SALAM DAN BERAMAH MESRA DENGANNYA.

--BERNAMA.

0009MST 3 1 12 84

. RE265 D E E